

YB Menteri Perusahaan Utama Malaysia Rasmikan Persidangan Kebangsaan Kelapa Sawit PORIM 1995

- Teknologi Untuk Pekebun Kecil

Pada 11 - 12 Julai 1995 yang lepas, bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, satu Persidangan Kebangsaan Kelapa Sawit telah dianjurkan oleh PORIM dengan kerjasama Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia (MPOPC), FELDA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pertanian, RISDA dan Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM). Tema persidangan ialah 'Teknologi Untuk Pekebun Kecil'.

Seramai 290 peserta telah hadir terdiri daripada 230 orang pekebun kecil dan 60 orang pegawai daripada pelbagai agensi pembangunan tanah yang berkecimpung dengan industri kelapa sawit khususnya sektor pekebun kecil.

Dalam ucapan perasmianya, YB Menteri Perusahaan Utama Malaysia, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik telah berkata 'Persidangan ini adalah sebagai tanda pengiktirafan kerajaan kepada sektor pekebun kecil yang telah sama-sama



Y.B. Menteri Perusahaan Utama Malaysia semasa merasmikan Persidangan Kelapa Sawit PORIM 1995.

memajukan industri sawit negara. Ianya juga menunjukkan betapa pekanya kerajaan terhadap memenuhi keperluan teknologi yang bersesuaian untuk pekebun kecil'.

Seterusnya YB Menteri berkata, untuk Malaysia terus berdaya saing dalam pengeluaran minyak sawitnya, pekebun kecil disarai supaya mengamalkan teknologi terkini yang disyorkan oleh PORIM dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Sektor pekebun kecil diminta supaya berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti sawitnya dan begitu juga, mengurangkan kos pengeluaran. Anjakan paradigma yang perlu diamalkan oleh pekebun kecil bersendirian adalah pembangunan secara berkelompok dan dalam konteks ini penggunaan jentera ladang yang sesuai perlu diberi pertimbangan.

Ketua Pengarah PORIM, Dr. Yusof Basiron pula dalam ucapan aluannya berkata, PORIM akan terus berusaha membantu pekebun kecil meningkatkan pendapatan daripada keluasan kebun yang terhad iaitu dua hingga empat hektar.

Penyelidikan ke arah pengeluaran produk nilai tambah dan aktiviti integrasi tanaman sawit dengan ternakan rusa atau tanaman bernilai tinggi seperti rotan, dan medang teja sedang giat dijalankan dan telah mula menunjukkan perkembangan yang positif.

Sebanyak 14 kertas kerja telah dibentangkan dalam empat sesi:

- Bahan tanaman, pengurusan tapak semaian dan teknik penyediaan tanah
- Amalan agronomi dan pengurusan ladang
- Pendekatan dan keberkesanan pemindahan teknologi
- Pembangunan ekonomi pekebun kecil

Perbincangan Sesi I berfokus kepada pengeluaran bahan tanaman dan teknik penyediaan tanah. Secara khusus, kertas kerja pertama membincangkan proses pengeluaran bijbenih. Selanjutnya, penggunaan bijbenih yang terpilih

Kandungan

- | | |
|--|-----|
| YB Menteri Perusahaan Utama Malaysia Rasmikan Persidangan Kebangsaan Kelapa Sawit PORIM 1995 - Teknologi Untuk Pekebun Kecil | 1 |
| Dari Meja Ketua Editor | 2 |
| Kegiatan Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemandahan Teknologi | 3 |
| Kenalilah...
- Pelepah Sawit Anda | 4 |
| Kuiz Sawit | 4 |
| Sudut Teknologi
- Pemangkasan Pelepah Kelapa Sawit | 5 |
| Berita Bergambar | 6-7 |
| Tahukah Anda | 10 |
| Peladang Jaya - Kesediaan Menerima Nasihat Membawa Kejayaan | 11 |



Sidang Pengarang

PENASIHAT
Dr Yusof bin Basiron
Ketua Pengarah PORIM

PENGERUSI
Dr Ariffin bin Datus

KETUA EDITOR
Hj Mohd Tayeb bin Dolmat

EDITOR
Suboh bin Ismail
Mohd Nasir bin Hasan Basri
Dr Mohd Basri bin Wahid
Dr N. Rajanaidu

SETIAUSAHA
Hj. Idris bin Hj Omar



Dari Meja Ketua Editor

Mallamat semua pengusaha ladang sawit talah untuk mendapatkan situasi di mana keadaan ladang dan pengeluaran hasil berada di tahap yang tinggi. Mengapakah kita perlu sentiasa berusaha mewujudkan dan mengekalkan keadaan ladang yang baik dan teratur?

Adalah satu kenyataan bahawa persekitaran tempat kerja yang sesuai akan meningkatkan produktiviti. Dalam konteks perladangan sawit di mana kerja-kerja dilaksanakan di ladang, persekitaran tempat kerja yang sesuai bermakna keadaan ladang yang baik dan sentiasa terselenggara. Daripada segi amali, produktiviti seorang penuai yang bekerja dalam ladang yang dirumput elok adalah lebih tinggi dibandingkan dengan penuai yang bekerja dalam keadaan ladang separuh hutang!

Apakah yang dimaksudkan dengan keadaan ladang yang baik?

Keadaan ladang yang baik bermakna kawasan ladang berkenaan senang untuk manusia dan jentera bergerak dan keluar masuk. Kawasan ladang bendaklab bersih sehingga tidak mengganggu pergerakan ini. Walau bagaimanapun, ladang yang bersih ada budnya kerana perlu dipertingkatkan dengan faktor kos. Satu kompromi perlu dicapai antara kedua-dua ini.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada keadaan ladang yang baik termasuklah penyediaan lorong, jalan dan perparitan, pemeliharaan tanah, merumput, kawalan perosak dan penyakit, pemangkasan pelepah, pembersihan batang sawit dan disiplin penuai serta pekerja ladang.

Pemangkasan pelepah sawit merupakan satu aktiviti penting. Dukawita ianya dipandang ringan oleh segelintir pengusaha ladang sawit. Banyak terdapat insiden di mana pokok sawit yang terlebih atau terkurang dipangkas pelepahnya. Akibatnya penghasilan sawit terus menurun dan menyebabkan kerugian kepada pengusaha berkenaan. Adakah ini yang kita mahu?

Pelepah bendaklab disimpan dengan jumlah yang optimum setiap masa pada pokok sawit mengikut umur dengan kerja pemangkasan dibuat dengan betul. Tambahan kepada mencapai proses pembikinan pemakanan yang optimum untuk keperluan tumbesaran dan penghasilan sawit, pemangkasan pelepah juga bertujuan untuk penafian kemasakan dan penamatan taundan dan mengurangkan keblangan buah relatif. Ianya juga dapat mengurangkan tumbuhan 'epifit' yang menumpang bidup di batang sawit menjadikan pokok sawit kelihatan tidak bersih.

Sama-samalah kita berusaha menjaga persekitaran ladang sawit supaya sentiasa dalam keadaan baik, sesuai untuk semua kerja ladang dilakukan dengan sempurna dan mendapat hasil yang lumayan.

Dari muka surat 1

oleh pengusaha tapak semaian belum boleh menjamin pengeluaran anak benih yang baik sekiranya amalan-amalan di tapak semaian tidak diikuti dengan sempurna. Oleh itu kertas kerja kedua menekankan pentingnya pengurusan tapak semaian yang betul ke arah pengeluaran anak benih sawit bermutu tinggi. Seterusnya kertas kerja ketiga menggariskan langkah-langkah penyediaan tanah untuk tanaman sawit di pelbagai keadaan dan jenis tanah dengan menekan teknik-teknik yang disyorkan dan keberkesanannya.

Fokus perbincangan Sesi II ialah mengenai amalan agronomi dan pengurusan ladang. Peningkatan produktiviti sawit dipengaruhi oleh tahap penggunaan input agronomi, pengurusan ladang, kawalan musuh perosak/penyakit, pemuatan dan pengangkutan buah yang efisien. Teknologi yang dibincangkan dalam sesi ini adalah nadi ke arah pencapaian potensi hasil sawit sebenar. Apa yang mungkin menjadi cabaran kepada pekebun kecil ialah keupayaan sektor ini menggunakan jentera ladang kerana ianya hanya ekonomis untuk kebun yang luasnya melebihi 100 hektar. Ini boleh dilakukan dengan semangat kerjasama dan pembangunan ladang secara berkelompok.

Sesi III pula membincangkan pendekatan dan keberkesanan pemindahan teknologi yang diamalkan oleh PORIM dan lain-lain agensi yang berkaitan. Semua teknologi akan menjadi sia-sia sekiranya tidak dipindahkan kepada golongan sasaran dan diamalkan. Di sinilah pentingnya pendekatan pemindahan teknologi yang berkesan. Contohnya pendekatan pemindahan teknologi sawit oleh FELDA dan Jabatan Pertanian telah dibincangkan. MPOPC pula membincangkan usahanya ke arah mempromosikan minyak sawit di pasaran dunia dan seterusnya menjamin harga yang tinggi untuk pengeluar sawit.

Sebaliknya, pendekatan pemindahan teknologi yang berkesan belum tentu menjamin teknologi-teknologi tersebut diterimaguna oleh golongan sasaran tanpa mereka mempunyai ciri-ciri yang terpilih. Ciri-ciri penerima yang penting seperti pengetahuan yang mendalam dan sikap yang positif telah dibincangkan dalam kertas kerja "Peladang Sawit Jaya - Rahsianya".

Sesi IV menekankan kepada pembangunan ekonomi pekebun kecil sawit iaitu usaha-usaha ke arah meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui punca lain daripada tanaman sawit. Antara aktiviti sampingan di dalam ladang yang ditonjolkan ialah pemeliharaan rusa, tanaman kontan seperti jagung manis, halia, keladi, pisang, nenas, kacang tanah, cili dan sayuran. Peningkatan pendapatan boleh juga dicapai sekiranya pekebun sentiasa mencuba untuk mengurangkan kos pengeluaran melalui pemborongan kerja-kerja yang disatukan. Kontrak ini pula dijalankan oleh koperasi atau anak syarikat yang dimiliki oleh pekebun kecil sendiri.

Akhir sekali, di dalam ucapan penutupnya, Timbalan Ketua Pengarah PORIM, Dr. Jalani Sukaimi berharap segala penyedaran maklumat dan perbincangan di sepanjang persidangan selama satu setengah hari tidak terhenti apabila persidangan ditangguhkan. Ianya perlu dilihat sebagai permulaan gandingan tenaga di antara PORIM, agensi pembangunan sawit dan pekebun kecil ke arah meningkatkan kemajuan industri sawit negara amnya dan pembangunan pekebun kecil sawit khususnya. Seterusnya, beliau berjanji PORIM akan mendahului dengan tindakan-tindakan yang perlu diambil ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan semasa sesi soal jawab **BS**

Sumbangan: Hj. Idris Hj. Omar

Kegiatan pemindahan teknologi memerlukan program yang tersusun dan sempurna supaya golongan sasaran mendapat manfaat sepenuhnya. Untuk memenuhi keperluan dan keperluan golongan sasaran, Unit Pembangunan Pekebun Kecil dan Pemindahan Teknologi telah, sedang dan akan melaksanakan beberapa program/aktiviti pemindahan teknologinya. Sepanjang penggal kedua (Julai – Disember) 1995 ini beberapa program pemindahan teknologi telah dilaksanakan seperti berikut:

KURSUS KELAPA SAWIT UNTUK PEKEBUN KECIL

Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pekebun kecil dan agen pembangunan tentang teknik-teknik penanaman kelapa sawit yang betul. Sebanyak 14 kursus telah diadakan dengan kerjasama agensi seperti PPK, FELDA dan RISDA. Peserta yang terlibat adalah seramai 1013 orang.

PERSIDANGAN KEBANGSAAN KELAPA SAWIT 1995 – TEKNOLOGI UNTUK PEKEBUN KECIL

Persidangan yang melibatkan 290 orang pekebun kecil dan pegawai daripada berbagai agensi telah diadakan di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 11 – 12 Julai 1995 anjuran PORIM. Sebanyak 14 kertas kerja yang meliputi kesemua aktiviti penanaman kelapa sawit telah dibentangkan. Maklumbalas dan cadangan telah banyak diterima mengesyorkan supaya seminar ini dapat diadakan lagi di masa-masa hadapan.

KURSUS SEHARI DAN ADHOC UNTUK AGEN PENGEMBANGAN

Sebanyak 24 kursus sehari dan kursus *ad hoc* telah diadakan melibatkan seramai 826 orang peserta daripada berbagai agensi. Diharapkan selepas menghadiri kursus-kursus ini, pegawai-pegawai terlibat dapat memberi khidmat kepada penanam-penanam sawit dengan lebih berkesan.

CERAMAH/DIALOG

Seramai 2006 orang peserta telah menghadiri ceramah dan sesi dialog sepanjang penggal kedua tahun 1995 ini. Antara isu yang sering dibincangkan ialah arah aliran penurunan kadar perahan minyak, faktor-faktor penyebab dan cara-cara mengatasinya.

LAWATAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

Sebanyak enam lawatan khidmat nasihat telah dibuat merangkumi semua aspek pengurusan ladang sawit.

“HOTLINE” TALIAN SAWIT (03-8251122)

Talian sawit telah menerima 53 panggilan yang mengemukakan sebanyak 91 soalan yang mana kebanyakannya mengenai pembukaan ladang sawit, pembajaan dan pemilihan bahan tanaman. Segala pertanyaan telah dijawab oleh pegawai bertugas semasa panggilan dibuat.

PETAK DEMONSTRASI KELAPA SAWIT

Petak demonstrasi telah diwujudkan di beberapa tempat yang strategik dengan kerjasama agensi pembangunan setempat untuk memudahkan pekebun kecil mendapatkan contoh pembangunan dan pengurusan ladang yang sempurna. Antara petak demonstrasi tersebut ialah:

Tempat	Tuan Tanah	Agensi Terlibat	Tarikh Tanam
RTB Air Terentang Dengkil, Selangor	Razali Abd. Hamid	Jab. Pertanian	April 1993
Kg. Tebuk Berihun, Sabak Bernam Selangor	Sanusi Nasri	Jab. Pertanian	Mac 1993
Pl. Jayos, Sri Medan Johor	Sarmin Timan	RISDA	Jun 1992
Permatang Raja, Sg. Tinggi, Perak	Mohd. Dali Omar	PPK Sg. Tinggi	Okt. 1993
Kg. Tebuk Berihun Sabak Bernam, Selangor	Ahmad Sidek	Jab. Pertanian	Ogos 1995

Petani setempat digalakkan melawat petak-petak demonstrasi ini untuk mendapatkan panduan. Keterangan lanjut dalam hal teknologi sawit bolehlah berbincang dengan pengusaha petak demonstrasi berkenaan atau pegawai agensi yang terlibat.

PERANCANGAN UPPK & PT MASA DEPAN

UPPK & PT akan terus menyumbang tenaga dan bakti membantu penanam-penanam sawit terutama pekebun kecil dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti pemindahan teknologinya dengan lebih berkesan. Kursus, ceramah dan dialog akan dipertingkatkan lagi, begitu juga dengan penyelidikan-penyelidikan mencari jalan menambahkan pendapatan pekebun kecil. Apa yang perlu, pekebun kecil diharapkan dapat merebut peluang menyertai atau melibatkan diri dalam semua aktiviti-aktiviti ini. Untuk maklumat lanjut sila hubungi Talian Sawit 03-8251122 atau pejabat-pejabat pembangunan yang berhampiran. **BS**

KENALILAH... Pelepah Sawit Anda



Penyusunan pelepah di antara baris pokok.

Pelepah sawit mempunyai dua barisan daun dan merupakan salah satu bahagian pokok yang terpenting. Lai daun mempunyai sel-sel yang berperanan melakukan fotosintesis iaitu proses untuk pokok membina bahan kering/karbohidrat.

Beberapa faktor mempengaruhi kadar fotosintesis termasuk keamatan cahaya, ketegasan air, karbon dioksida dan unsur nutrien (pemakanan). Untuk mendapatkan keamatan cahaya yang tinggi, jumlah keluasan daun adalah penting dan perlu terdedah kepada cahaya.

Bahan kering digunakan untuk pertumbuhan tampang (pelepah, batang dan akar) dan pembiakan (bunga jantan

dan tandan buah). Dalam keadaan biasa, keutamaan adalah diberi kepada pertumbuhan tampang. Jika berlaku kekurangan bahan kering disebabkan oleh kadar fotosintesis yang rendah berpunca daripada keluasan daun yang rendah atau banyak daun yang terlindung daripada cahaya, pengeluaran hasil akan terjejas.

Pengeluaran pelepah mempengaruhi jumlah pengeluaran bunga. Setiap pelepah mempunyai sejambak bunga, samada betina atau jantan. Jumlah pelepah yang dikeluarkan oleh setiap pokok sawit adalah bergantung kepada umur pokok. Pada kelazimannya, pokok berumur 3 – 4 tahun mengeluarkan 32 – 40 pelepah/pokok/tahun dan

menurun kepada 18 – 24 pelepah/pokok/tahun apabila mencapai lapan tahun ke atas.

Pelepah yang dipangkas mengandungi unsur nutrien seperti berikut:-

Nitrogen	-	2.75%
Fosforus	-	0.223%
Kalium	-	1.99%
Magnesium	-	0.45%

Dengan kandungan unsur nutrien yang tinggi, adalah digalakkan pelepah yang dipangkas disusun di kawasan antara baris pokok untuk menyuburkan tanah dan mendapatkan beberapa kebaikan yang lain. **BS**

Sumbangan: Suboh Ismail

KUIZ SAWIT

1. Namakan penyakit dan serangga perosak yang sering dikaitkan dengan penanaman semula kelapa sawit.
2. Nyatakan kepadatan pokok kelapa sawit sehektar bagi kawasan tanah gambut dalam.
3. Berapa lamakah kesan yang dapat ditunjukkan terhadap hasil, lanjutan pembubuhan baja kepada pokok kelapa sawit?
4. Apakah warna racun kelas III yang diklasifikasikan sebagai **merbahaya** yang terdapat pada label racun rumpai?
5. Namakan pemungkah mekanikal yang dikeluarkan oleh PORIM yang berfungsi untuk mencengkam tandan-tandan sawit untuk dimuatkan ke dalam treler.
6. Bagi setiap 1 kg MOP, berapakah kadar pertukaran berat abu tandan yang menyamai kandungan kaliumnya?

Sumbangan: Basri Bakar

(Jawapan di muka surat 10)

SUDUT TEKNOLOGI

PEMANGKASAN PELEPAH KELAPA SAWIT

Sumbangan
Suboh bin Ismail



Pemangkasan yang sempurna – menjamin hasil yang tinggi

Memangkaskan pelepah merupakan salah satu amalan terpenting yang mempengaruhi pengeluaran hasil sawit. Dari segi pengurusan tanaman sawit, memangkaskan bermakna memotong dan membuang pelepah yang tidak berfungsi atau pelepah di mana fotosintesis telah berhenti atau pada tahap yang minimum. Ianya mengawal indeks keluasan daun (nisbah jumlah keluasan daun per unit kawasan tanah) yang optimum untuk proses fotosintesis.

Pemangkasan yang kurang sempurna seperti yang dibuat secara berlebihan akan menjejaskan proses fotosintesis dan mengakibatkan pengeluaran buai tandan segar (BTS) menurun. Pemangkasan yang kurang pula boleh menjejaskan kerja di ladang terutama sekali aktiviti penuaian. Hasil BTS juga boleh menurun.

Tujuan pemangkasan

Memudahkan penuaian:

Bilangan pelepah yang optimum dan tersusun elok akan memudahkan penuai memotong tandan sawit sama ada menggunakan pahal untuk pokok rendah atau sabit untuk pokok tinggi.

Memudahkan penilaian kemasakan buah: Pemangkasan yang sempurna akan memudahkan penuai mengenalpasti tandan yang masak semasa menuai. Penuaian tandan muda pada pokok yang tinggi akan dapat diminimumkan. Kerap terjadi



Keadaan begini menyukarkan penuaian menyebabkan kehilangan buah relei dan tandan tertinggal di pokok.

Jadual 1. Kesan Pemangkasan Terhadap Hasil
Purata daripada bulan 10 – 57 selepas pemangkasan permulaan

Bil. pelepah/pokok	8	16	24	32	40
Bil. tandan/pokok/tahun	1.5	6.8	8.9	9.9	9.9
Berat tandan (kg)	7.4	12.6	15.8	17.9	18.0
Hasil (kg/pokok/tahun)	11.2	85.3	140.0	177.0	178.7

Sumber: Hashim Tajuddin (1991)

Jadual 2. Kesan Pemangkasan Terhadap Pengeluaran Bunga
Purata daripada bulan 25 – 60 selepas pemangkasan permulaan

Bil. pelepah/pokok	8	16	24	32	40
Bil. bunga jantan	5.37	13.10	11.48	11.20	9.36
Bil. bunga betina	1.60	5.86	7.99	8.78	9.52
Jumlah	6.97	18.96	19.47	19.98	18.88

Sumber: Hashim Tajuddin (1991)



Pemangkasan berlebihan tandan buah tergantung.

Bersambung di muka surat 8

pelepah yang terlalu banyak kerana tidak dipangkas melindungi pandangan penuai mengenalpasti tandan yang masak menyebabkan tandan tertinggal/tidak dituai.

Mengurangkan kehilangan buah relai: Jumlah buah relai yang tersangkut pada celah-celah pelepah dapat diminimumkan.

Mengurangkan kejadian penyakit: Pelepah yang banyak dan berserabut menyebabkan keadaan persekitaran tandan buah menjadi lembab dan sesuai untuk kejadian penyakit seperti penyakit reput tandan buah yang disebabkan oleh kulat *Marasmius palmivorus*.

Kesan Pemangkasan Yang Berlebihan

Dari kajian yang telah dijalankan, pemangkasan yang berlebihan didapati boleh menjejaskan hasil pengeluaran BTS. Misalnya, dalam kajian yang dijalankan oleh Golden Hope Plantation Berhad, hilangan dan berat tandan akan menurun apabila bilangan pelepah dikurangkan (*Jadual 1*). Sawit yang mempunyai kurang daripada 32 pelepah/pokok dalam satu masa akan menyebabkan hasil BTS menurun dengan ketaranya.

Dalam kajian yang sama, pemangkasan berlebihan mempengaruhi pembentukan jantina bunga (*Jadual 2*). Dalam situasi ini, pengeluaran bunga jantan diberi keutamaan, dan ini mengakibatkan kekurangan pembentukan bunga betina/tandan buah.



Pemangkasan berlebihan – mengakibatkan hasil rendah.



Pokok matang – tinggalkan 2 – 3 pelepah di bawah tandan yang terbawah sekali dan pelepah dipotong rapat ke butang.



Pokok muda – simpan semua pelepah kecuali yang kering sahaja.

Hasil rendah biasanya berlaku dua tahun selepas pemangkasan berlebihan dibuat. Ini adalah kerana pembentukan jantina bunga berlaku lebih kurang 20 – 24 bulan sebelum sesuatu tandan itu masak. Oleh itu, untuk mendapatkan hasil yang normal semula, akan mengambil masa dua tahun juga selepas tahap pemangkasan dipulihkan.

Panduan Pemangkasan

Untuk mendapatkan tahap pemangkasan yang optimum, berikut diberikan jumlah pelepah yang perlu sentiasa disimpan mengikut umur pokok.

Bersambung di muka surat 9

Pokok muda

Buang pelepah yang kering sahaja. Curi tandan iaitu memotong buah tanpa memangkas pelepah di bawahnya adalah digalakkan.

4 - 7 tahun

Simpan 48 - 56 pelepah/pokok. Tinggalkan 2 - 3 pelepah di bawah tandan yang terbawah sekali.

8 - 14 tahun

Simpan 40 - 48 pelepah/pokok. Tinggalkan 2 pelepah di bawah tandan yang terbawah sekali.

Melebihi 15 tahun

Simpan 32 - 40 pelepah/pokok. Tinggalkan 1 - 2 pelepah di bawah tandan yang terbawah sekali.

Cara dan masa memangkas

Pemangkasan dibuat dengan menggunakan pahat atau sabit pemotong tandan mengikut ketinggian pokok. Potong pangkal pelepah seberapa rapat yang boleh dengan batang sawit. Ini untuk mengelakkan buah relai daripada tersangkut di celahnya. Meninggalkan pangkal-pangkal pelepah yang panjang boleh juga menyebabkan pelepah-pelepah di atasnya tumbuh menegak dan memberi kesan negatif terhadap pengeluaran hasil.

Kekerapan dan masa memangkas bergantung kepada kesesuaian pengurusan ladang. Program pemangkasan penyelenggaraan dibuat sekali atau dua kali setahun adalah bertujuan untuk memperbaiki tahap pemangkasan yang dilakukan setiap masa penuaian. Sekiranya pemangkasan dilakukan dengan betul dan teratur pada setiap pusingan menuai, program sekali atau dua kali setahun adalah tidak perlu.



Pemangkasan sempurna - ladang terurus dan pokok subur.

Pelepah-pelepah yang dipangkas disusun di lorong susunan pelepah dengan teratur untuk menyenangkan kerja-kerja ladang yang lain. Pelepah pelepah ini memberi beberapa kebaikan seperti berikut:

- Meningkatkan bahan organik dan nutrien (unsur makanan) dalam tanah.
- Memperbaiki dan memelihara kelembapan tanah
- Mengurangkan hakisan tanah
- Meningkatkan pertumbuhan akar sawit
- Memperbaiki struktur tanah

Untuk mendapatkan manfaat di atas untuk sawit yang ditanam pada tanah berbukit, penyusunan pelepah perlulah dibuat di antara teres melintangi curam tanah.

Penutup

Dengan faktor-faktor pertumbuhan lain berada pada tahap mencukupi, pemangkasan yang sempurna akan mendorong proses fotosintesis berlaku

di tahap yang optimum. Ini akan menghasilkan bahan kering yang cukup untuk pokok sawit mengeluarkan hasil BTS yang tinggi. Di samping itu, kedapatan balik hasil akan sentiasa dapat dipertingkatkan; menerusi pengurangan kehilangan buah relai dan tandan tersorok/tertinggal semasa menuai. Juga, dengan keadaan pokok dan ladang yang kemas, operasi ladang dapat dijalankan dengan lancar. Ini semua akan dapat menyumbang ke arah perolehan pendapatan yang lumayan kepada penanam-penanam sawit. **BS**

Jawapan Kuiz Sawit	
1. a) Penyakit reput pangkal batang (<i>Canthium</i>) b) Serangan kumbang badak	
2. 160 pokok/hektar	
3. 18 - 24 bulan selepas pemajaan	
4. Batu	
5. The Crabber	
6. 2 kg	

TAHUKAH ANDA



1. Untuk mempelbagaikan kegunaan minyak sawit, PORIM telah mencipta dakwat pencetak yang berasaskan minyak sawit di mana kebiasaannya menggunakan asas petroleum. Ia lebih bermutu, murah dan mesra-alam (*environmental friendly*)
2. Bahan biojisim daripada pokok kelapa sawit seperti batang, pelepah dan tandan kosong boleh dijadikan media tanaman untuk menggantikan tanah. Ia dihasilkan melalui beberapa proses tertentu membolehkan tanaman seperti pokok tomato tumbuh di atasnya.
3. Selain daripada kegunaan makanan, minyak sawit juga digunakan untuk membuat beberapa jenis bahan bukan makanan seperti:



- i. Poliuretana – Sejenis busa yang mana antara kegunaannya seperti bahan penekat hana dalam peti sejuk, bahan perekat, pembungkusan, penyalutan, cat dan lain-lain lagi.
- ii. Kosmetik – Dicampurkan ke dalam beberapa bahan kosmetik seperti krim tangan, losyen, syampu, gincu, sabun mandi dan lain-lain lagi. Kelebihan barangan kosmetik yang berasaskan minyak sawit ini ialah ia lebih sesuai (*compatible*) dengan kulit manusia. Ia juga tidak mencemarkan alam sekitar. **BS**

Sumbangan: Wan Zamri Wan Yusof

Kesediaan Menerima Nasihat Membawa Kejayaan

Jangan Belunjur Sebelum Duduk



En. Ahmad menanam pokok pisang sebagai tanaman selingan di kebun sawitnya.

Kegigihati, kecekalan semangat dan berani mencuba yang baru adalah faktor yang penting menjamin kejayaan seseorang. "Kejayaan hari ini adalah hasil kesilapan masa lalu". Begitulah antara kesimpulan yang dapat diberikan kepada En. Ahmad bin Hj. Sidek, petani dari Tebuk Berihun, Sabak Bernam Selangor, yang terpilih untuk mengisi ruangan peladang jaya kali ini.

Penglibatan beliau dalam tanaman sawit bermula pada tahun 1987. Kejatuhan harga kelapa menyebabkan beliau mencari tanaman lain sebagai mata pencarian. Kelapa sawit dipilih menggantikan tanaman kelapanya seluas empat hektar diselangseli dengan tanaman pisang.

Beliau mula menanam kelapa sawit pada pertengahan tahun 1987 seluas dua hektar di celah-celah tanaman kelapa. Walaupun menanam kelapa sawit secara demikian tidak disyorkan oleh PORIM, beliau melakukannya kerana tiada pilihan lain. Dengan mendapatkan nasihat daripada rakan-rakan yang bekerja di estet, akhirnya

kebun tersebut berjaya dibangunkan walaupun hasilnya agak sederhana kerana terdapat serangan kumbang badak (*Oryctes rhinoceros* L.) yang membiak di dalam batang kelapa yang telah reput. Kebelakangan ini terdapat pula beberapa batang pokok sawitnya yang dijangkiti kulat *Ganoderma* yang menyebabkan reput pangkal batang.

Oleh kerana kurang berpuashati dengan pencapaian hasil kelapa sawit daripada penanaman pertamanya ini, beliau menanam semula dua hektar lagi kawasan tanaman kelapanya pada tahun 1990. Kali ini beliau mendapatkan nasihat dan tunjuk ajar daripada pegawai PORIM di Stesen Penyelidikan Teluk Intan. Di sinilah bermulanya jalinan kerjasama dengan pihak PORIM di mana beliau mendapatkan segala bentuk khidmat nasihat untuk menjayakan tanaman sawitnya. Alhamdulillah, berkat usaha gigih beliau dan khidmat nasihat yang diberi oleh PORIM masalah seperti kumbang badak yang menyerang tanaman sawit pertamanya dulu dapat diatasi dengan menggunakan racun

carbofuran yang diletakkan di pucuk sawit. Beliau menggunakan racun tersebut pada kadar 20-30 g/pokok setiap bulan. Segala tunjuk ajar diikutinya dengan seberapa tepat yang boleh.

Ketika penanaman sawit peringkat kedua dilaksanakan, pembersihan kawasan adalah dengan menebang kesemua pokok kelapa berpandukan nasihat daripada pegawai PORIM. Semua tunggul dikorek dan dibongkar dan bersama dengan batang-batang kelapa diracik dengan menggunakan jentera peracik sebelum kerja-kerja pembakaran dilakukan. Beliau sedar sekiranya batang atau tunggul kelapa dibiarkan reput di dalam kebun, walaupun batang kelapa tersebut dibuat titi, ianya akan menjadi tempat pembiakan kumbang badak dan sumber inokulum kepada kulat *Ganoderma*. Pengalaman lalu telah mengajar beliau di mana pokok sawit yang diserang kumbang ini akan terbantut pertumbuhannya dan akan menyebabkan kematian pokok muda sekiranya

Bersambung di muka surat 12

serangan berada pada tahap yang serius. Demikian juga jika pokok sawit dijangkiti *Ganoderma* – kesannya sangat merugikan

“Masa begitu berharga dan ianya perlu diisi dengan seberapa bijak yang boleh membuat banyak perkara yang berguna”, jelas beliau. Oleh itu segala kerja-kerja ladang beliau dirancang dengan teliti. Beliau memulakan kerja pada awal pagi. Bagi kerja meracun rumpai, beliau lebih banyak menggunakan racun jenis serap supaya ia lebih berkesan dan tahan lama. Rumpai jenis lembut ditinggalkan antara lorong supaya ia dapat menjaga kelembapan tanah. Kerja meracun dijalankan tiga hingga enam kali setahun bergantung kepada keperluan dan umur pokok. Beliau menggunakan purata empat liter racun rumpai sehektar dengan kos racun purata RM55.00 sehektar. Pada peringkat sawit muda, beliau sangat berhati-hati bila meracun supaya tidak merosakkan pelepah-pelepah pokok yang hijau kerana penting untuk tumbesaran dan pengeluaran hasil awal

Bagi kerja-kerja membaja pula beliau selalu meminta khidmat nasihat PORIM. “Sebelum kenal PORIM, saya tak kenal mana baja lurus, mana baja sebatian dan berapa kadar yang perlu dibubuh kepada pokok” akunya. Untuk



Kerja kerja meracun dijalankan untuk mengawal rumpai di kebun.

pokok yang berumur empat tahun, beliau menabur baja di keliling pokok satu hingga dua meter daripada hujung daun dan bagi yang berumur lapan tahun, beliau menabur baja di semua kawasan terutama di kawasan pengumpulan pelepah kerana di kawasan ini pertumbuhan akar paling banyak. Beliau menggunakan sebanyak 5kg/pokok/tahun baja sebatian 12:12:17:2+B bagi pokok matang dan 4 kg/pokok/tahun baja sebatian 15:15:15 bagi pokok muda. Penaburan baja dipecahkan kepada tiga kali setahun. Beliau juga menggunakan baja lurus bagi memberikan pemakanan yang mencukupi kepada pokok sawit setelah menggunakan baja sebatian sepertimana yang disyorkan.

Berkat usaha yang gigih serta teknik-teknik pengurusan kelapa sawit yang betul beliau dapat mencapai hasil yang boleh dibanggakan sebanyak 20 tan/hektar/tahun bagi pokok yang ditanam di peringkat kedua iaitu berumur empat tahun. Tetapi bagi pokok yang berumur lapan tahun yang ditanam bersama kelapa hanya mengeluarkan hasil purata 15 tan/hektar/tahun. Kemungkinan hasil yang lebih tinggi boleh diperolehi jika cara yang betul diamalkan semasa peringkat penyediaan ladang seperti yang dibuat di peringkat kedua.

Satu kesimpulan dan pengajaran dapat diambil daripada pengalaman beliau, di mana kelapa sawit adalah tidak

ekonomis jika ditanam bersama kelapa atau tanaman-tanaman lain yang boleh menjejaskan tumbesannya.

Atas usaha gigihnya dalam bidang pertanian, beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan Ketua Biro Pertanian kawasan Tebuk Berihun. Katanya “tanaman sawit adalah tanaman industri yang paling baik untuk ditanam jika mempunyai tanah yang mencukupi”. Sebagai Ketua Biro Pertanian beliau berusaha menggalakkan petani di kawasan Tebuk Berihun dan kawasan sekitarnya menanam sawit. Beliau juga adalah ketua projek berkelompok ‘Projek Tani Blok 2’ yang mana projek tersebut telah mendapat tempat ketiga dalam pertandingan projek berkelompok peringkat Negeri Selangor.

Semasa rencana ini ditulis, seluas dua hektar lagi kebun beliau iaitu bekas tanaman kelapa telah ditanam dengan sawit melalui projek Jabatan Pertanian Sabak Bernam. Dalam masa yang sama projek ini telah dipilih oleh PORIM sebagai salah satu petak demonstrasi untuk peserta-peserta di kawasan berkenaan.

Syukur Alhamdulillah, berkat usaha dan kegigihannya, En. Ahmad Hj. Sidek telah dapat menikmati kebahagiaan dan kesenangan hidup bersama empat ahli keluarganya. **BS**

Sumbangan: Wan Zamri/Basri/
Borhanuddin

MAKLUMAN

Berita Sawit diterbitkan setiap bulan Jun dan Disember. Jika anda mempunyai rencana/berita/peladang yang berjaya atau apa saja yang difikirkan sesuai dan menarik untuk dimasukkan dalam Berita Sawit PORIM, sila hantarkan kepada

Ketua Editor
Berita Sawit PORIM
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur

(u.p. Unit Pembangunan Pekeluan
Kecil & Pemindahan Teknologi)